

# UNISSA - UNISEL PERKUKUHKAN KERJASAMA



**MAJLIS** Penandatanganan Memorandum Persefahaman di antara Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dan Universiti Selangor (UNISEL), Malaysia yang diadakan secara maya ditandatangani oleh Rektor UNISSA, Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal bagi mewakili pihak UNISSA, manakala pihak UNISEL diwakili oleh Presiden dan Naib Canselor UNISEL, Yang Berbahagia Profesor Dato' Dr. Mohammad Redzuan bin Othman.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 5 Oktober. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) mempergiatkan jalinan kerjasama bersama institusi pengajian tinggi luar negara, dengan penandatanganan membarui

Memorandum Persefahaman (Memorandum of Understanding - MoU) bersama Universiti Selangor (UNISEL), Malaysia. Majlis penandatanganan memorandum yang diadakan secara maya itu ditandatangani

oleh Rektor UNISSA, Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal bagi mewakili pihak UNISSA, manakala pihak UNISEL diwakili oleh Presiden dan Naib Canselor UNISEL, Yang Berbahagia Profesor Dato' Dr. Mohammad

**Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali**

Redzuan bin Othman. Turut hadir pada majlis tersebut, Pemangku Timbalan Rektor UNISSA, Dr. Arman bin Haji Asmad juga pegawai-pegawai utama UNISSA dan UNISEL.

Rektor UNISSA dalam ucapan alu-aluannya menyatakan penghargaan dan terima kasih kepada pihak UNISEL kerana menjadikan UNISSA sebagai rakan strategik untuk berkolaborasi dalam apa jua program atau aktiviti melalui penandatanganan MoU.

UNISSA dan UNISEL menjalinkan hubungan kerjasama dengan melaksanakan beberapa kegiatan sejak tahun 2015, iaitu antaranya khidmat masyarakat pelajar UNISEL di Negara Brunei Darussalam dalam program *outbound outreach* UNISEL UNISSA dan penganjuran bersama Seminar Antarabangsa Produk dan Perkhidmatan Halalan Tayyiban (SAPPHAT) Ke-4, 2019.

Dengan pembaharuan MoU ini, diharap hubungan kedua-dua

universiti dapat meneruskan dan memperkukuh kerjasama dalam bidang akademik, program pertukaran pelajar atau tenaga akademik juga penyelidikan.

Pelaksanaan kegiatan tersebut walau pun tidak dapat dilakukan secara fizikal disebabkan oleh situasi pandemik ketika ini, namun pilihan secara *virtual* atau dalam talian boleh dilakukan.

Sementara itu, Yang Berbahagia Naib Canselor UNISEL dalam ucapannya, menzahirkan rasa terima kasih kepada UNISSA kerana mengekalkan hubungan kerjasama yang baik sejak sekian lama dalam berbagai bidang, terutama bidang akademik.

UNISEL akan sama berganding bahu untuk meningkatkan lagi program kolaborasi bersama UNISSA dan berharap kegiatan secara normal akan dapat dibuat setelah terhentinya wabak COVID-19.

Majlis Penandatanganan MoU diakhiri dengan sesi bergambar ramai.

## 5 kawasan di Daerah Tutong masih terjejas banjir

Oleh : Srinarawie Bidzah

Foto : Ihsan Jabatan Bomba dan Penyelamat

**TUTONG**, Selasa, 5 Oktober. - Cuaca tidak menentu sejak beberapa hari ini menyebabkan beberapa kawasan di Daerah Tutong mengalami banjir.

Laporan Pemantauan Air Banjir Daerah Tutong yang disalurkan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, hari ini, bagi beberapa tempat di Daerah Tutong adalah seperti berikut.

Di Jalan Benutan, Mukim Rambai setakat jam 6.20 pagi, keadaan jalan kering dan boleh dilalui oleh semua jenis kenderaan.

Manakala Jalan Bangkuru, Mukim Rambai setakat jam 6.47 pagi, keadaan paras air atau ketinggian air mencecah 0.60 meter (m) dan jarak jauh banjir adalah 400m. Sementara pemantauan pada jam 1.15 petang, keadaan paras air serta jarak jauh banjir masih sama seperti waktu pagi. Jalan tersebut tidak dapat dilalui oleh kenderaan jenis salun dan pacuan empat roda.

Jalan Kuala Ungar, Mukim Rambai setakat jam 7.03 pagi, keadaan paras air mencecah 0.15m dan jarak jauh banjir adalah

150m. Jalan berkenaan boleh dilalui oleh kenderaan jenis salun. Pemantauan pada jam 1.27 petang, keadaan paras air turun kepada 0.10m dan jarak jauh banjir adalah 100m. Jalan berkenaan boleh dilalui kenderaan jenis salun.

Bagi Jalan Rambai, Mukim Rambai setakat jam 7.10 pagi, ketinggian air mencecah 0.15m dan jarak jauh banjir adalah 500m. Jalan ini selamat untuk dilalui oleh kenderaan jenis salun. Pemantauan pada jam 2.06 petang, ketinggian air serta jarak jauh banjir masih sama seperti waktu pagi.

Jalan Rumpou, Mukim Rambai



**JALAN** Bang Pangan, Mukim Rambai antara kawasan yang terjejas di Daerah Tutong.

setakat jam 7.18 pagi, keadaan paras air mencecah 0.28m dan jarak jauh banjir adalah 100m. Jalan tersebut tidak dapat dilalui oleh kenderaan jenis salun. Pemantauan pada jam 1.45 petang, keadaan paras air turun

kepada 0.21m dan jarak jauh banjir masih sama seperti sebelah pagi. Jalan tersebut dapat dilalui oleh kenderaan jenis salun.

>> Muka 17

## Pemantauan banjir Daerah Belait terus dilaksanakan



Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman

Foto : Ihsan Jabatan Bomba dan Penyelamat

**KUALA BELAIT**, Selasa, 5 Oktober. - Laporan Pemantauan Air Banjir Daerah Belait yang disalurkan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat, Daerah Belait, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, setakat petang, hari ini, bagi beberapa tempat, di Daerah

Belait menunjukkan beberapa tempat masih mengalami banjir dan tidak boleh dilalui oleh kenderaan jenis salun juga pacuan empat roda, manakala beberapa kawasan lainnya tidak mengalami banjir.

Bagi Mukim Bukit Sawat, di

**KETINGGIAN** paras air di Jalan Kandul mencecah 0.30m dan tidak dapat dilalui oleh kenderaan jenis salun dan pacuan empat roda.

Simpang 1366, Merangking Hilir, setakat 2.39 petang, hanya takungan air, manakala Jalan Utama Merangking Hilir, setakat 2.41 petang; Jalan Singap, setakat 2.47 petang; dan jalan menuju ke Jambatan Sungai Kagu, setakat 3.09 petang, tidak ada tanda banjir dan jalan-jalan berkenaan dapat dilalui oleh semua jenis kenderaan.

Sementara itu, di Jalan Kandul, Mukim Bukit Sawat, setakat 2.55 petang, keadaan paras air atau ketinggian air menahan 0.30 meter (m) dan jarak jauh banjir adalah 400m, di mana jalan ini tidak selamat untuk dilalui oleh kenderaan jenis salun dan pacuan empat roda.

Manakala di Jalan Laid Lakang, setakat 3.02 petang, keadaan paras air mencecah 0.38m dan jarak jauh banjir adalah 200m, dan jalan ini juga tidak selamat dilalui oleh kenderaan jenis salun dan pacuan empat roda.

Di Kampung Sungai Mau, setakat 3.21 petang, keadaan paras air atau ketinggian air mencecah 0.15m, dengan jarak jauh banjir adalah 80m, di mana jalan ini boleh untuk dilalui oleh semua jenis kenderaan.

Sementara bagi Mukim Labi, di Jalan Utama Bukit Puan, setakat 3.24 petang; Jalan Beluhur, setakat 3.32 petang; dan Jalan Sungai Patai, setakat 3.38 petang, tidak ada tanda banjir dilaporkan dan jalan-jalan ini selamat untuk dilalui oleh semua jenis kenderaan.

Di Perumahan Pos Polis Bukit Puan Labi, setakat 3.27 petang, keadaan paras air atau ketinggian air mencecah 0.10m dan jarak jauh banjir adalah 50m, jalan ini boleh dilalui oleh semua jenis kenderaan.

Apabila keadaan paras air atau ketinggian air mencecah 0.25m, maka jalan berkenaan tidak boleh dilalui oleh kenderaan jenis salun. Jika keadaan paras air atau ketinggian air mencecah 0.45m, maka jalan berkenaan tidak boleh dilalui oleh kenderaan pacuan empat roda; dan jika keadaan paras air atau ketinggian air mencecah 1m, maka jalan berkenaan adalah tidak boleh dilalui oleh kenderaan berat (lori).

Orang ramai dinasihatkan untuk sentiasa mengetahui maklumat

keadaan cuaca yang dikeluarkan oleh Jabatan Kajiucaca Brunei Darussalam. Jika awda tidak ada di dalam rumah, pastikan pintu-pintu rumah dan jendela-jendela dalam keadaan tertutup bagi mengelakkan binatang-binatang liar memasuki rumah awda; serta sentiasa memastikan dan menjaga keselamatan kanak-kanak agar tidak bermain dengan air takungan atau longkang akibat banjir. Jika berlaku sebarang insiden, hubungi Talian Kecemasan Bomba 995 dan berikan maklumat tepat.

Sementara itu, Kementerian Kesihatan turut menasihatkan orang ramai, terutama yang tinggal di kawasan yang terjejas dan dilanda banjir supaya mengambil langkah-langkah berwaspada bagi mencegah dan menghindarkan sebarang kemalangan; dan kecederaan juga kemungkinan berlakunya penyakit berjangkit bawaan makanan dan air, seperti kolera; cirit-birit; dan keracunan makanan.

Semasa menghadapi situasi musim hujan dan banjir, orang ramai juga adalah diperingatkan untuk sentiasa menjaga kebersihan diri dan mengamalkan tanggungjawab sosial masing-masing ketika negara masih menangani penularan pandemik COVID-19.